

27 AUG 1996

UJANA KEWANGAN LABUAN AKAN SAMBUT MAHATHIR DGN PERMAIDANI MERAH

LABUAN, 27 Ogos (Bernama) -- Ujana Kewangan Labuan, kompleks pejabat dan kediaman paling moden di sini, akan menyambut Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Khamis ini apabila beliau tiba untuk merasmikan pembukaan kompleks RM400 juta itu yang bermatlamat untuk memperkukuhkan asas bagi Labuan untuk menjadi sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) yang dinamik.

Dibina bersama oleh Peremba Bhd dan Ekovest Bhd, kompleks canggih di atas tapak 4.7 hektar itu mempunyai bangunan yang tersergam yang menjadi kebanggaan Labuan.

Ujana Kewangan dipercayai sebagai satu-satunya sejenisnya dengan reka bentuk moden di kalangan beberapa pusat kewangan luar pesisir di dunia.

Berhadapan dengan pelabuhan Labuan, Ujana Kewangan terletak berhampiran dengan dua buah hotel kelas perniagaan mewah, Waterfront Hotel dan Sheraton Labuan.

Direka oleh Mior Tajul Ariffin, pengarah bersekutu Arkitek MAA Sdn Bhd, ia mempunyai bahagian hadapan yang paling moden dan bahagian dalaman yang menggambarkan reka bentuk Islam.

Blok menaranya, yang siap awal tahun ini, menempatkan lebih daripada 50 bank luar pesisir, syarikat-syarikat amanah, firma-firma undang-undang dan syarikat-syarikat perdagangan yang beroperasi dari sini.

Dua blok pejabat 16 tingkat lagi, dua blok pangsapuri 18 tingkat dan blok podium dua tingkat baru sahaja siap.

Ujana Kewangan juga mempunyai dewan persidangan dengan tempat duduk untuk 1,700 orang, 1,000 tempat letak kereta dan 134 lot kedai termasuk sebuah pasar raya.

Dua buah kedai makanan segera, Sugar Bun dari Kuching dan Burger King dari Amerika Syarikat akan dibuka tidak lama lagi.

Pembeli-pembeli lot-lot kedai di kompleks itu telah mula berpindah.

Antara yang paling awal ialah Daphne Lee yang menguruskan Pusat Jam Tai Wah.

"Saya telah memilih untuk membuka perniagaan di sini kerana saya fikir potensi perniagaan adalah amat baik. Jika diurus dengan betul, dan dengan jenis pemasaran dan promosi yang betul, saya kira bahagian membeli-belah Ujana Kewangan malahan sebaik Sungei Wang Plaza di Kuala Lumpur atau Mahkota Parade di Melaka," katanya.

Menurut Lutz Alpers, pangarah urusan International Consultancy Services, Labuan adalah di dalam kelasnya yang tersendiri dan ia satu hari kelak boleh berubah menjadi sebuah pusat induk di rantau Asia Pasifik.

Dan itulah yang sebenarnya yang dikehendaki oleh pihak berkuasa kewangan untuk Labuan suatu hari kelak.

Dua bulan lalu, Dr Awang Adek Hussin, ketua pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan, badan yang menguruskan perkhidmatan kewangan di pulau ini, berkata perkhidmatan pasaran wang luar pesisir dan insurans bersiap untuk perkembangan yang besar.

Berikutan penerbitan garis panduan yang diperluas dan kurang sekatan bagi wang luar pesisir dan broker-broker insurans, Labuan tidak lama lagi akan mempunyai firma-firma pembrokeran yang ternama yang menghasilkan lebih banyak perniagaan luar pesisir, tambahnya.

Garis panduan itu diperkenalkan setelah ia mendapati bahawa perniagaan insurans di Labuan telah tidak berkembang secepat pusat-pusat percukaian lain seperti di Cayman Islands atau Isle of Man, untuk menyebut beberapa

nama.

Pengenalan garis panduan itu menggambarkan sambutan segera oleh pihak berkuasa dalam menghadapi isu itu, seorang tokoh bank di sini berkata.

Satu lagi kejayaan bagi pihak berkuasa kewangan ialah pengenalan Kadar Tawaran Antara Bank Luar Pesisir Labuan atau LABOR baru-baru ini.

Sementara beberapa pihak yang sangsi cepat menegaskan bahawa LABOR serba sedikit akan bertindih dengan Kadar Tawaran Antarabank Singapura atau SIBOR, seorang pegawai bank lain berkata ia adalah satu perkara kebanggaan kebangsaan untuk mempunyai LABOR.

Bagi mereka yang telah melabur wang mereka di IOFC Labuan dan Ujana Kewangan dan meraih hasil daripada usaha mereka, ia adalah juga satu perkara kebanggaan.

Tetapi, mungkin orang yang paling berbangga pada upacara perasmian itu Khamis ini ialah Dr Mahathir kerana perasmian Ujana Kewangan adalah perutusan Malaysia kepada dunia bahawa IOFC Labuan berada di sini dan akan terus hidup dan makmur. -- BERNAMA

SHY OS/sia